



## Kursus Asas Rekreasi Tahap 2

**K**ursus Asas Rekreasi Tahap 2 untuk fasilitator iLead-Park INTURA telah diadakan pada 31 Januari hingga 4 Februari 2016. Seramai 20 orang fasilitator terpilih untuk mengikuti kursus ini. Kursus selama 5 hari ini dikendalikan oleh konsultan jemputan daripada Explora Malaysia Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.


Program hari pertama melibatkan pembentukan kumpulan, seni perkhemahan, pengenalan kepada asas rekreasi dan pengurusan risiko. Hari kedua peserta didedahkan dengan asas pertolongan cemas, anatomi kayak dan teknik ikatan tali. Para peserta



Aktiviti berkayak

bertolak ke Baling pada hari ketiga untuk aktiviti berkayak dan kemudian bertolak pula ke Bukit Hijau. Di Bukit Hijau peserta dikehendaki memasang khemah untuk aktiviti perkhemahan dan mempelajari cara membaca peta dan navigasi kompas (orienteering).

Hari keempat diteruskan dengan *abseiling* di air terjun, *orienteering* dan ikhtiar hidup. Para peserta dilepaskan ke dalam hutan tanpa sebarang gajet, wang mahupun bekalan makanan yang mencukupi.



Cabaran abseiling di air terjun

Hari kelima diteruskan dengan sambungan aktiviti *orienteering* dan ditamatkan dengan ujian bertulis untuk menilai sejauh mana pemahaman para peserta dan juga untuk melayakkan mereka memperoleh sijil jurulatih asas rekreasi tahap 2.

Pelbagai pengalaman lucu dan menarik yang dapat dirasai oleh para peserta sepanjang program ini dijalankan. Kursus ini dilihat dapat memberi pendedahan asas kejurulatihan rekreasi kepada para peserta dan dapat memberi banyak pengetahuan dan pengalaman berharga di samping memupuk semangat berpasukan yang tinggi. Diharapkan para peserta meneruskan kursus tahap 3 dan seterusnya layak menjadi jurulatih bagi aktiviti rekreasi luar.

## PTD Assessment Centre (PAC)

**S**elepas berjaya dalam tapisan pertama iaitu peperiksaan khas memasuki PTD, calon-calon yang berjaya dipanggil untuk ke tapisan seterusnya iaitu PTD Assessment Centre (PAC). PAC merupakan mekanisme bagi membantu pihak JPA membuat penilaian terhadap kesesuaian dan kelayakan calon-calon PTD sebelum diperakukan kepada SPA untuk tujuan temu duga dan lantikan ke perkhidmatan awam. PAC telah dijalankan di INTAN Wilayah Utara bermula 13 Februari 2016 hingga 25 Februari 2016 iaitu sebanyak enam siri. Daripada 1124 calon yang layak hanya 691 calon yang hadir untuk PAC di INTURA. Calon-calon telah menjalani saringan kesihatan dan UKJK termasuk lari ulang alik 20 m dengan kiraan masa. Aspek-aspek kompetensi yang diuji adalah merangkumi kualiti personal iaitu tatakelakuan, penampilan, keyakinan diri, penggerak kumpulan dan potensi kepimpinan. Aspek pengetahuan dinilai dari segi kematangan idea dan aspek kemahiran dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi, pengucapan awam/ *public speaking* dan debat ala parlimen. Tapisan terakhir yang perlu ditempuhi oleh calon-calon sebelum mereka layak diterima sebagai PTD adalah temu duga yang dijalankan oleh pihak SPA. Hanya mereka yang mendapat penilaian yang tinggi sahaja dan benar-benar berkeupayaan akan dipanggil untuk mengikuti temu duga bagi memasuki ke perkhidmatan PTD.



Calon-calon membuat larian ulang alik sejauh 20m

## What Leadership Skills Do You Need?


### What Are Leadership Skills?

Leadership is the ability to guide a group of people toward a common goal. It is not one specific skill that makes one a good leader, but rather a set of them. Each is valuable on its own, but taken together, these leadership skills allow an individual to succeed in certain occupations or advance through the ranks of an organization. To be an effective leader, you must be able to:

- **Communicate Verbally:** A strong leader must be able to impart information to others.
- **Listen:** Good listening skills will allow you build rapport with your subordinates, understand their concerns, and answer their questions.
- **Persuade:** Good leaders don't simply demand their workers follow their commands blindly. They convince them that it is the best thing to do.
- **Use Critical Thinking to Make Decisions and Solve Problems:** When making decisions and solving problems, you must know how to compare various actions and solutions regarding their costs and benefits.
- **Delegate Work to Others:** Even if you have the know-how to do every task, which is highly unlikely, it is much productive to assign work to those who can perform it as or more effectively.
- **Organize Your Own and Others' Work:** Good organizational skills will allow you to complete work efficiently and help those you lead to do the same.
- **Take Responsibility for Yours and Your Subordinate's Mistakes:** An effective leader doesn't blame others for his own mistakes, and because he is responsible for his subordinates' work, he also shares ownership of their errors.
- **Persevere:** No matter how difficult things become, and how often your plans get thrown off course, if you are tenacious, you will be able to reach your goals.
- **Adapt to Change:** When things don't go as expected, which often happens, flexibility is of the utmost importance. If you can adjust your plans, you will have a better chance of succeeding and helping your team move forward.
- **Build Relationships:** As a leader you must develop good working relationships with both your subordinates and superiors.
- **Show Respect for Your Subordinates:** If you want those under your authority to respect you, you must also demonstrate that you respect them.
- **Support Others:** It should always be evident to those who work for you that you are on their side when it comes to helping them reach their goals.
- **Manage Crises:** Good leaders respond quickly and effectively when problems arise.


Extract from <http://www.about.com>

## Bahan Bacaan Pilihan Bulan Februari



Buku ini menunjukkan kepada anda bagaimana untuk menilai motivasi, ciri-ciri, dan kemahiran unik anda, mewujudkan strategi kepimpinan peribadi

yang memanfaatkan kekuatan anda dan mengurangkan kelemahan anda, menguasai bagaimana untuk memimpin pasukan, memahami lima prasyarat untuk memacu perubahan, dan mengawal krisis yang tidak dapat anda elakkan dengan itu mengukuhkan pasukan dan kepimpinan anda.



Buku ini menjadikan katak sebagai simbolik kepada tugas, tanggungjawab dan amanah yang perlu diselesaikan.

Tidak ada yang mustahil untuk kita memakan katak walau sehodoh mana pun ia. Buku ini menunjukkan cara-cara praktikal bagi membunuh kemalasan dan sikap suka bertangguh yang menghalang kita menjadi orang yang lebih cemerlang.



Buku ini menangani salah satu soalan yang paling asas dalam bidang ekonomi: Mengapa organisasi komersial lebih cekap daripada organisasi domain awam? Organisasi yang beroperasi di pasaran adalah lebih sesuai digunakan kerana, sekali merosot, mereka adalah 'percuma untuk gagal' dan dibenarkan untuk dibuka atau diganti, sebaliknya organisasi awam yang gagal selalunya tidak dilindungi dan dibenarkan meneruskan walaupun kecekapan mereka dipersoalkan.

# KURSUS ASAS REKREASI TAHAP 2



HAT DUA ORANG TU BUAT2 KEMAH



YA ALLAH YA TUHANKU... SELAMATKANLAH DIRIKU...

LAPAQ WEH

AISEH... NAMPAK LUBANG PUSAT LA PULAK



RILEKS LA IDA...

EN. EDDY NAK BAWA IDA PI MANA NI? MEMUSING DAH KAYAK KITA NI...



TU DIA PERUT EN. WAN...



DOK DI RUMAH PUN BLEH MAKAN SEDAP... AKU LAPAQ NASIK... WAAA!!!!...



TERINGAT ZAMAN HOSTEL... MASAK MEGI DALAM TIMBA



WAJAH-WAJAH KELETIHAN SELEPAS TAMAT PROGRAM

## Hadis Pilihan

### Nilai Akhlak Yang Baik

#### Hadis

Daripada an-Nawas bin Sam'an RA daripada Nabi SAW sabdanya, "Kebajikan itu ialah berakhlak dengan akhlak yang baik, dan dosa itu ialah perasaan yang bimbang dalam hati dan engkau tidak mahu perbuatan itu diketahui orang lain."

(Hadith Riwayat Muslim)

Keterangan :

Kalimah "*al-Birru*" (kebajikan) merangkumi semua perbuatan dan amalan yang baik dan makruf, kecil atau besar, sedikit atau banyak seperti kalimah "*al-Ismu*" (dosa) merangkumi semua amalan dan perbuatan yang

jahat.

#### Huraian

1. Seseorang yang berakhlak mulia akan mendapat kebaikan untuk diri sendiri dan kebajikan kepada orang lain.
2. Orang yang melakukan dosa tidak akan mendapat ketenangan dalam hidup.
3. Antara tanda-tanda perbuatan dosa ialah lahirnya perasaan tidak tenteram dalam jiwa dan bimbang jika diketahui oleh orang lain.
4. Bisikan hati untuk melakukan dosa tidak di anggap dosa selama tidak dilakukan atau diucapkan.

Sumber: JAKIM

### Did You Know ?

**JPEG** (is a commonly used method of lossy compression for digital images, particularly for those images produced by digital photography. The degree of compression can be adjusted, allowing a selectable tradeoff between storage size and image quality. JPEG typically achieves 10:1 compression with little perceptible loss in image quality.

The term "JPEG" is an abbreviation for the **Joint Photographic Experts Group**, which created the standard. The MIME media type for JPEG is *image/jpeg*, except in older Internet Explorer versions, which provides a MIME type of *image/pjpeg* when uploading JPEG images. JPEG files usually have a filename extension of *.jpg* or *.jpeg*.

[www.wikipedia.com](http://www.wikipedia.com)

### Kursus Sepanjang Mac 2016

#### KURSUS BERJADUAL

1. Bengkel Pengurusan Tatatertib  
07/03/2016 hingga 09/03/2016
2. Bengkel Audit Kualiti Dalaman  
07/03/2016 hingga 09/03/2016
3. Bengkel Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan  
07/03/2016 hingga 09/03/2016
4. Kursus Pengukuhan Pasukan  
07/03/2016 hingga 10/03/2016
5. Program Transformasi Minda  
13/03/2016 hingga 17/03/2016
6. Bengkel Pengurusan Tatatertib  
14/03/2016 hingga 16/03/2016
7. Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan Berkesan  
14/03/2016 hingga 16/03/2016
8. Kursus KIK Untuk Fasilitator  
14/03/2016 hingga 16/03/2016
9. Sistem Pengurusan Stor  
21/03/2016 hingga 22/03/2016
10. Kursus Pengukuhan Pasukan  
21/03/2016 hingga 24/03/2016
11. Kursus Komunikasi dan Persembahan Berkesan  
21/03/2016 hingga 24/03/2016
12. Kursus KIK  
21/03/2016 hingga 24/03/2016
13. Sistem Pengurusan Aset  
23/03/2016 hingga 24/03/2016
14. Kursus Pengurusan Majlis Rasmi Kerajaan  
27/03/2016 hingga 29/03/2016

### 1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA**  
KAMPUS WILAYAH UTARA  
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL  
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH  
Tel : 04-4218321 Faks : 04-4214489

[www.intanbk.intan.my](http://www.intanbk.intan.my)

[maklumbalas@intura.intan.my](mailto:maklumbalas@intura.intan.my)

INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi :

**Setiasaha Kursus : 04-4218321**

samb. **238** (Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud/ Pn. Ku Intan Shakinah bt. Ku Ahmad)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)